

NO. SOALAN : 89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

SOALAN :

**YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- (a) apakah jenis sumbangan yang disumbang oleh pihak Kementerian dalam penganjuran pesta Borneo 2017 yang diadakan bersempena dengan perayaan Hari Malaysia; dan
- (b) apakah usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk mendapatkan pengiktirafan UNESCO bagi lebih banyak lagi tapak warisan UNESCO di negeri Sabah seperti menjadikan kawasan Taman Kinabalu dan Lembah Danum sebagai "UNESCO Global Geopark".

248

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan Kementerian, acara Pesta Borneo tersebut merupakan inisiatif pihak swasta iaitu pihak Suria KLCC dengan kerjasama Persatuan Warisan Sabah dan Sarawak bersempena dengan sambutan Hari Malaysia 2017. Kementerian dimaklumkan inisiatif tersebut adalah sebahagian usaha pihak Suria KLCC untuk mendidik rakyat Malaysia dan pelancong tentang sejarah penubuhan Malaysia selain mempromosi dan mengetengahkan ciri-ciri keunikan yang terdapat di Sabah dan Sarawak.

Kementerian sebenarnya amat menggalak serta mengalu-alukan pihak swasta seperti Suria KLCC untuk turut sama memikul tanggungjawab mempromosikan Malaysia kepada para pelancong atas inisiatif masing-masing. Sungguhpun begitu, sekiranya mereka memerlukan sokongan Kementerian khususnya dari segi publisiti dan promosi acara tersebut, Kementerian serta agensi-agensi berkaitan di bawah Kementerian khususnya dalam hal ini, Tourism Malaysia dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara akan bersedia memberikan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) yang merupakan *focal point* dan *state party* kepada *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) *World Heritage Convention* 1972 berperanan

untuk mengangkat tapak-tapak warisan yang berpotensi di Malaysia sebagai Tapak Warisan Dunia. Usaha yang dilakukan termasuk menyediakan atau memberi khidmat nasihat penyediaan *dossier* pencalonan beserta *Conservation Management Plan* (CMP), mengadakan promosi di dalam dan luar negara, mendapatkan sokongan di peringkat antarabangsa dan lain-lain. Sebagai makluman juga, usaha-usaha untuk menjadikan Taman Kinabalu sebagai sebuah UNESCO Global Geopark adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Mengenai tapak Danum Valley, pihak Kementerian melalui JWN telah terlibat dalam beberapa siri perbincangan bagi tujuan untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Walau bagaimanapun, aspek perlindungan di peringkat nasional perlu diberikan perhatian selaras dengan Para 97, UNESCO *Operational Guidelines* 2016 yang menyatakan bahawa:

“Similarly States Parties should demonstrate adequate protection at the national, regional, municipal, and/or traditional level for the nominated property. They should append appropriate texts to the nomination with a clear explanation of the way this protection operates to protect the property.

Pihak Kementerian sentiasa bersedia membantu menyenaraikan lebih banyak tapak di Sabah sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Sekian, terima kasih.